

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1998/99

Februari 1999

HGW 371/HGK 471 -Geografi Wilayah Asean Dan Asia Pasifik
[HGW 371//HGK 471 - Geography of Asean And Asia Pacific]

Masa: [3 jam]

Time: [3 hours]

KERTAS PEPERIKSAANINI MENGANDUNG LAPAN [8] SOALAN DI DALAM TIGA [3] HALAMAN.

[THIS QUESTION PAPER HAS EIGHT [8] QUESTIONS IN THREE [3] PAGES.]

Jawab EMPAT [4] soalan sahaja.

[Answer only FOUR [4] questions.]

1. Huraikan sejauhmana ciri-ciri perpaduan dalam kepelbagaiannya (unity in diversity) Asia Tenggara itu masih lagi wujud pada hari ini dan bagaimakah ciri itu dapat dimanfaatkan untuk perpaduan dalam ASEAN.

Elaborate on the extent to which the unity in diversity features of Southeast Asia still exists today and how those features could be utilised to forge unity in ASEAN.

2. Dengan merujuk kepada salah sebuah negara ASEAN atau APEC, huraikan bagaimana ASEAN atau APEC dapat memberi manfaat kepada negara itu dan bagaimana negara itu pula dapat memberi sumbangan kepada kemajuan ASEAN atau APEC.

With reference to any one country in ASEAN or APEC, explain how ASEAN or APEC could benefit the country and how that country could contribute to the development of ASEAN or APEC.

3. Huraikan perbezaan-perbezaan dalam taraf hidup di kalangan negara-negara APEC dan jelaskan bagaimana APEC dapat membantu meningkatkan tahap taraf hidup dan merapatkan jurang perbezaan di antara negara-negara membangun dengan negara-negara maju dalam pertumbuhan itu.

Explain the differences in the standard of living among the countries in APEC and clarify how APEC could help improve it and narrow the gap between developed and developing countries in APEC.

4. Pembentukan pusat pertumbuhan sub-wilayah ASEAN iaitu IMT-GT, SIJORI dan EAGA adalah disebabkan oleh kegagalan dalam kerjasama projek-projek pekilangan ASEAN. Bincangkan kenyataan ini dengan merujuk kepada salah satu pusat pertumbuhan itu.

The creation of ASEAN sub-regional growth centres such as IMT-GT, SIJORI and EAGA is due to the failure of ASEAN industrial cooperation. Discuss this statement with reference to any one of those centres.

5. Huraikan punca-punca kegawatan ekonomi negara-negara ASEAN masa kini dan jelaskan kemungkinan kesan-kesan kegawatan ini ke atas perpaduan ASEAN.

Elaborate on the causes of the present ASEAN economic turmoil and elaborate on the probable effect on unity in ASEAN.

6. **SAMA ADA/EITHER**

- [a] Jelaskan bagaimana migrasi antarabangsa dapat membantu dalam pembangunan negara-negara ASEAN atau APEC dan apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh negara yang menerima migran itu.

Clarify how international migration could be beneficial to the development of countries in ASEAN or APEC and what are the problems faced by those countries that receive the migrants.

ATAU/OR

- [b] Bincangkan kenapakah proses peralihan demografi di antara negara-negara ASEAN dan Asia Timur berbeza? Sokong hujah-hujah anda dengan contoh-contoh yang sesuai.

Discuss why the process of demographic transition among the ASEAN and East Asian countries are different. Support your arguments with relevant examples.

7. Bincangkan sejauhmana kemajuan sosio-ekonomi sebuah negara dalam pertubuhan ASEAN atau APEC itu bergantung kepada ciri-ciri kependudukan negara itu.

Discuss to what extent the socio-economic development of a country in ASEAN or APEC depends on the features of its population.

8. Huraikan mengapa perdagangan begitu penting kepada negara-negara ASEAN atau APEC dan jelaskan bagaimana ASEAN atau APEC dapat memberi sumbangan dalam meningkatkan lagi aliran perdagangan di kalangan negara-negara anggotanya.

Explain why trade is very important to the countries in ASEAN or APEC and how ASEAN or APEC could contribute to improve trade flows among the member countries.

-- oo000oo --